



(Company No.101067-P)

الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُونَيْرِيسْتِي اِسْلَامِي اِنْتَرَا اِنْسَانِي مِلِيسِيَا

Garden of Knowledge and Virtue

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang **dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia** dalam kod bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

TAJUK TENDER	KRITERIA MANDATORI SYARIKAT	BUTIRAN PEMBAYARAN	SESI TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER
TENDER FOR THE MANAGED IUM CORPORATE VOICE SERVICES, IUM GOMBAK CAMPUS NO. TENDER: IUM/ITD/01/2026	Kelayakan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan. Kod bidang seperti berikut: i) 210101 dan; ii) 210102 dan; iii) 210103 dan; iv) 210105 dan; v) 210109 Syarat Taklimat dan Lawatan Tapak Petender diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan membawa cop Syarikat untuk sesi pendaftaran. Hanya dua (2) orang penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak tender. Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai lain selain daripada penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan. - Wakil Syarikat (penama) yang hadir wajib mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan yang masih sah tempoh lakunya dan salinan sijil pendaftaran syarikat SSM - Syarikat hendaklah memiliki Lesen Penyedia Rangkaian (NFP) dan Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (NSP) yang sah dan masih berkuat kuasa, yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Salinan lesen tersebut hendaklah dikemukakan.	Harga dokumen tender: RM100.00 (senaskhah) dalam bentuk <i>softcopy</i> boleh dibayar melalui akses kepada laman portal kewangan UIAM (https://tinyurl.com/4d68597c)  Hanya syarikat yang memenuhi syarat-syarat tender sahaja layak membeli dokumen tender. Sila emelkan butiran transaksi dan nombor rujukan sebagai bukti pembayaran. (Sebarang bayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan)	Tarikh: 3 Mac 2026 Hari: Selasa Masa: 10.00 pagi Tempat: Mini Auditorium, IUM Gombak Campus (Kehadiran bagi sesi taklimat adalah diwajibkan)	<u>Tarikh akhir pembelian dokumen tender</u> 26 Mac 2026 (Khamis) 5.00 petang <u>Tarikh akhir serahan dokumen tender/tutup tender</u> 1 April 2026 (Rabu) 12.00 tengah hari (Sebarang penyerahan tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan)

Dokumen Meja Tender boleh dirujuk melalui pautan <https://shorturl.at/LxsFw> mulai **3 Mac 2026 (Selasa)** hingga **26 Mac 2026 (Khamis)**.

Dokumen Tender di dalam format PDF akan dimajukan secara emel kepada petender yang telah membuat pembayaran dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut melalui emel syarikat kepada **procurementdepartment@ium.edu.my** dengan tajuk emel **'No. Tender: IUM/ITD/01/2026 & Tajuk Tender : Pembelian Dokumen Tender - IUM Corporate Voice Services'**:

- Salinan resit pembayaran.
- Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan.

Syarat Penghantaran Dokumen:

- Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk **hardcopy** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tender di **Pejabat Kewangan, Aras 2, Bangunan Muhammad Abdul-Rauf, UIAM, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur**.
- Penghantaran melalui perkhidmatan pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewatnya pada **pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

- Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih.
- Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran sekalipun.
- Pihak Universiti berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

KENYATAAN TAWARAN TENDER INI JUGA BOLEH DILIHAT DI LAMAN WEB KAMI DI:
<https://division.ium.edu.my/finance/announcement/>